

KHAMIS, 8 APRIL, 1982

SOKONGAN BULAT MENJAMIN KEMENANGAN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PENAMAAN calon selesai semalam. Walaupun kesibukan dan kecemasan pilihanraya akan hanya tamat apabila keputusan pengundian diumumkan namun penetapan slapakah yang akan bertanding di mana itu tentulah sedikit sebayak telah dapat mengurangkan teka-teki dan kebimbangan di kalangan orang ramai. Secara tidak langsung penetapan calon ini juga membuktikan bahawa hasrat Barisan Nasional untuk memberi peluang kepada lebih ramai pemimpin baru bertanding telah pun tertunal. UMNO mengemukakan kira-kira 40 peratus calon-calon baru untuk dipertandingkan di peringkat Parlimen dan negeri. Kadar muka-muka baru yang dimajukan oleh MCA juga lebih-kurang serupa.

Tindakan membawa masuk sebilangan pemimpin-pemimpin yang berkelayakan, dan yang lebih muda ini, bukan sahaja merupakan suatu langkah yang bijak malah ia juga didesak oleh suatu keperluan yang kian meruncing.

Hakikat bahawa kepimpinan Barisan Nasional, terutama UMNO sendiri, masih dikuasai, pada sebahagian besarnya, oleh ahli-ahli Asas 46 membawa dua implikasi yang jelas. Pertama, sebilangan besar tokoh-tokoh dan pemimpin UMNO hari ini yang telah lanjut usianya perlu dicarikan ganti; kedua, sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk memastikan supaya perjuangan UMNO diteruskan tanpa terputus atau menyimpang dari prinsip-prinsip asasnya maka amatlah penting proses pemindahan kuasa dari generasi lama ke generasi baru ini bermula sekarang untuk menjamin kekesanan dan kelicinannya.

Dalam konteks yang lebih luas inilah sepatutnya nasihat supaya setiap pemimpin dan penyokong mengutamakan kepentingan dan perjuangan parti dari pertimbangan peribadi itu harus dilihat. Dengan kata lain, walaupun pada peringkat individu pen-

calonan atau pengunduran seseorang itu mungkin mencerah atau memendungkan masa depan politiknya, namun yang lebih penting ialah memperkuat kedudukan parti.

Tegasnya, oleh kerana yang memerintah dan yang akan mencorakkan masa depan negara ialah parti maka seharusnya kepentingan diutamakan. Untuk ini sumbangan dari semua pihak adalah penting. Mereka yang telah dicalonkan mestilah bekerja keras supaya kepercayaan yang diberikan kepada mereka tidak hampa. Untuk mereka yang tidak berpeluang bertanding tanggungjawab mereka ialah memberikan sokongan yang penuh kepada calon-calon parti. Keengganan mana-mana pihak untuk memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi bukan sahaja boleh melemahkan parti malah mengurangkan madatnya untuk terus berjuang mengekalkan perpaduan dan kestabilan masyarakat dan mempercepat kemajuannya.